

14 NOV, 2022

TNB perkasa teknologi modular



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

TNB perkasa teknologi modular

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
 farahin.hussin@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melalui anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) membentuk perkongsian strategik dengan SMART Modular Technologies, Inc. (SMART) untuk memenuhi komitmen Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam usaha mencapai 100 peratus tenaga elektrik yang dikuasakan oleh tenaga boleh baharu.

Melalui kerjasama itu, SMART, sebuah bahagian SGH dan peneraju global dalam penyelesaian memori, pemacu keadaan pepejal dan storan hibrid menjadi perbadanan multinasional pertama di Pulau Pinang dan syarikat elektronik pertama Amerika Syarikat (AS) yang berpangkalan di Malaysia mencapai matlamat ini.

Ia akan dicapai menerusi operasi SMART Seberang Jaya, kilang pembuatan utamanya di rantau ini. Pencapaian ESG hasil daripada melaksanakan penyelesaian bumbung solar dan Tarif Elektrik Hijau (GET) disediakan oleh TNB.

Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri berkata, TNB sentiasa bersedia membantu organisasi dalam semua sek-



JACK Pacheco (tiga dari kiri) dan Elmie Fairul Mashuri (tiga dari kanan) memegang dokumen SARE yang ditandatangani bagi memperkasa teknologi modular bestari dalam mencapai 100 peratus tenaga boleh baharu.

tor ekonomi mencapai agenda hijau mereka dengan membentuk perkongsian strategik, sejajar dengan usaha berterusan TNB untuk mencapai sasaran ESG sendiri dan memastikan pertumbuhan perniagaan yang berterusan.

"Kami percaya usaha sama dengan SMART dalam menan-

berikan contoh kepada syarikat multinasional (MNC) lain di Malaysia untuk memulakan inisiatif yang sama bagi mengurangkan karbon mereka.

"Sebaik sahaja kami menyiapkan pemasangan solar, SMART akan mampu menyalurkan 1,496 MWj tenaga suria setiap tahun. Dengan penyelesaian gabungan GET dan pe-

masangan solar atas bumbung, jumlah pengimbangan karbon ialah 5,403 tan metrik setahun, bersamaan dengan perkembangan sebanyak 99,128 anak pokok selama 10 tahun," katanya.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Ketua Peruncitan Negeri (Pulau Pinang) TNB, U. Ananda Rani; Ketua SGH dan Pegawai Operasi dan Presiden

Smart Modular Technologies, Jack Pacheco dan Elmie Fairul di pejabat SMART di Seberang Jaya, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Sementara itu, Jack Pacheco mengulas, sebagai syarikat teknologi global, pihaknya memahami tanggungjawab untuk memberi kesan positif kepada alam sekitar.